

## HAIWAN EKSTOTIK DALAM BIDANG PERUBATAN: SATU TINJAUAN DARI KONSEP HALAL DAN MASLAHAH

Setiyawan Gunardi<sup>1</sup>, Muneer Ali Abdul Rabb<sup>2</sup>, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh<sup>3</sup>,  
Zizi Azlinda Mohd Yusof<sup>4</sup> & Siti Syahirah Saffinee<sup>5</sup>

<sup>1</sup> (*Corresponding Author*). Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
setiyawan@usim.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. muneerali@usim.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mahyeddin@usim.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. ziziazlinda@usim.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. syahirah.saffinee@usim.edu.my

### Abstrak

*Penggunaan haiwan eksotik bagi manusia adalah perkara yang tidak biasa berlaku, tetapi setengah orang meminati haiwan ini untuk dijadikan sebagai santapan atau dijadikan sebagai haiwan peliharaan. Dalam bidang perubatan, ia digunakan sebagai ubat atau bahan membuat ubat kerana dipercayai mampu merawat penyakit. Oleh itu, penggunaan haiwan eksotik perlu dikaji dari aspek halal dan masalah. Objektif yang difokuskan kepada kajian ini adalah untuk menerangkan maksud haiwan eksotik, menjelaskan konsep halal dan masalah tentang penggunaan haiwan eksotik serta membincangkan pandangan ulama tentang kesan penggunaan haiwan eksotik terhadap manusia. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisa dokumen data primer dan data sekunder. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa hukum penggunaan haiwan eksotik untuk perubatan mengikut keadaan tertentu adalah harus atas konsep masalah. Implikasi kajian ini adalah penggunaan haiwan eksotik secara langsung boleh memberi kesan kepada manusia sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang untuk kesihatan manusia.*

**Kata Kunci:** *Eksotik, perubatan, halal, masalah, kesihatan.*

### PENGENALAN

Di bumi ini terdapat banyak spesies haiwan yang mempunyai fungsi dan faedah. Kebanyakan haiwan telah menjadi makanan bagi manusia. Namun begitu, terdapat haiwan yang tidak biasa dimakan manusia. Walau begitu, terdapat manusia yang memakan haiwan eksotik sebagai ubat kerana dipercayai mempunyai khasiat tersendiri. Zubaidah (2012) mengatakan bahawa haiwan telah digunakan sebagai rawatan kesihatan orang asli kerana kosnya berpatutan dan perkhidmatan moden mahal dan tidak wujud di kawasan mereka. Timbul isu menggunakan haiwan eksotik yang tidak diketahui status halalnya dan manfaatnya (masalah) kepada manusia. Justeru, penulisan ini akan mengupas penggunaan haiwan eksotik dalam bidang perubatan mengikut konsep halal dan masalah.

Penggunaan haiwan eksotik digembar-gemburkan dengan keunikannya. Dakwaan mengenai kebaikan haiwan eksotik ialah ia boleh mencegah dan merawat penyakit, melancarkan peredaran darah, menambah tenaga, dan mengekalkan keremajaan. Sebagai contoh, sisik dan darah yang diambil daripada tenggiling dikatakan boleh merawat kanser. Walaupun sehingga kini tiada bukti saintifik tentang keberkesanannya, ia masih diburu untuk tujuan ini. Namun, haiwan eksotik ini masih belum diketahui khasiatnya dan status halalnya kerana tidak mempunyai nas khusus dari al-Quran mahupun hadith yang membolehkan menggunakan haiwan eksotik tersebut.

Dalam Islam terdapat garis panduan yang telah ditetapkan untuk diikuti oleh umat Islam. Secara umumnya syariat Islam telah membezakan antara yang halal dan yang haram. Peraturan ini berfungsi untuk menjaga kebajikan masyarakat. Menurut Al-Qaradhawi (1995), menyebut ia juga berfungsi untuk mewujudkan identiti Islam yang suci dan bersih daripada sesuatu yang dibenci Allah dan mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Umat Islam hanya dibenarkan mengambil apa yang 'baik', daripada sumber yang dikenal pasti suci, bersih, berkhasiat, dan menyenangkan.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data primer dikutip daripada sumber hukum Islam daripada Al-Quran, hadith, pandangan ulama Islam. Manakala data sekunder diambil daripada kajian kepustakaan dan literature, serta artikel jurnal. Setelah dikumpulkan semua data akan dianalisa secara deskriptif, sehingga menghasilkan penemuan kajian yang komprehensif (Jasmi, 2012).

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Pengertian Haiwan Eksotik**

Takrifan 'haiwan exotik biasa' ialah haiwan yang tidak dijinakkan dan hidup di alam liar yang jauh dari tempat tinggal manusia. Apabila digunakan pada haiwan, ia biasanya membayangkan spesies bukan ternakan yang biasanya tidak disimpan atau ditemui di negara ini, dipelihara sebagai haiwan peliharaan (Martin P.C Lawton, 2000). Ini menjadikan klasifikasi haiwan eksotik berbeza

dari satu tempat ke satu tempat. Haiwan eksotik ini unik kerana ia termasuk beberapa haiwan jinak dan haiwan liar tertentu. Contoh haiwan eksotik ialah ular, sugar glider, iguana, katak, kura-kura, dan buaya. Namun begitu, habitat semula jadi haiwan eksotik ini amat berbeza dengan kehidupan di dalam sangkar. Kebanyakan negeri tidak menyimpan rekod tepat haiwan eksotik yang memasuki negeri mereka, jadi mudah untuk haiwan ini diseludup dan adalah mustahil untuk mengetahui dengan tepat berapa banyak haiwan eksotik yang disimpan secara persendirian sebagai haiwan peliharaan atau untuk kegunaan peribadi, tetapi jumlahnya dianggarkan menjadi agak tinggi.

### **Konsep Halal**

Perkara halal telah dihuraikan dengan jelas di dalam Al-Quran. Setiap sumber makanan, sumber pendapatan, keperluan harian dan sebagainya, mestilah halal. Dalam Islam tiada istilah 'Semi Halal' atau 'Separuh Halal'. Setiap bahan dan sumber mestilah 100% Halal lagi baik dan tidak menimbulkan sebarang keraguan tentang status halalnya. Ini kerana setiap sumber yang tidak halal akan menjadi darah daging dan akan menjejaskan personaliti dalaman dan luaran. Konsep halal meliputi semua perkara yang lebih luas seperti sumber pendapatan, cara hidup, perubatan, muamalat dan lain-lain. Malah halal bagi orang Islam menggunakan sesuatu produk atau perkhidmatan, sekiranya ia dihasilkan dengan cara yang menepati peraturan penggunaannya dalam konsep syariat Islam.

Dictionary Dewan Bahasa dan Pustaka (2005): '**Halal**' berasal daripada perkataan Arab *halla, yahillu, hillan, wa halalan* yang bermaksud boleh atau dibenarkan oleh syarak (Qamus, 2015; Kamus Dewan, 2005). Halal bermaksud "ketetapan menghalalkan sesuatu perbuatan (dalam Islam)". Ia adalah perkataan yang bertentangan dengan maksud perkataan Haram.

### **Maslahah**

Maslahah merupakan dalil dan hujah kepada sesuatu masalah untuk menentukan hukum. Maslahah dalam usul fiqh ini mempunyai kuasa yang kuat dengan hujah-hujah yang menyokong daripada nas sama ada dalam al-Quran atau Sunnah (Gunardi, 2021). Maslahah adalah konsep yang membawa manfaat dan menolak mudarat. Ia mempunyai sisi positif, yang mencipta

manfaat, dan sisi negatif, yang menangkis kemudharatan. Faedah hanya boleh digunakan dalam aspek positifnya, dan ia dikaitkan dengan mencegah kemudharatan, seperti dalam pepatah fuqaha: *Menolak kemudharatan diutamakan daripada mendatangkan faedah* (Zaidan, 2014; al-Zuhaili, 2014).

Hukum Islam membawa kepada masalah, seperti memelihara agama, nyawa, fikiran, kehormatan, dan harta. Oleh itu, hukum Islam telah menetapkan dalam menggunakan haiwan eksotik dalam perubatan bagi pesakit dalam keadaan kritikal, tiada ubat yang bersumber halal dan ubat halal tapi tidak mempunyai kesan rawatan maka ianya untuk memelihara jiwa sebagai konsep masalah pesakit untuk memulihkan kesihatan secara menyeluruh. Atas dasar masalah yang dipertimbangkan ini dan menghubungkannya dengan sebab-sebab kewujudan dan ketiadaan, bukti analogi muncul. Setiap kejadian mempunyai hukum yang tidak menetapkan keputusan, yang sama dengan kejadian lain, maka hukum yang menetapkannya (Zaidan, 2014).

### **Hukum Menggunakan Haiwan Eksotik**

Dalam Islam, tidak diharamkan melainkan ada nas yang sahih dan jelas daripada syarak yang melarang penggunaannya. Sekiranya tidak ada nas yang sahih, seperti ada nas tetapi hadis dhaif atau nas yang berkaitan adalah sahih tetapi tidak disyariatkan dalam menunjukkan larangannya, maka ini akan kekal dengan hukum asal sebagaimana yang dibenarkan.

Daripada Abi Darda', Nabi Muhammad (SAW) bersabda: *Apa yang dihalalkan Allah di dalam kitab-Nya, maka ia dihalalkan. Dan, apa yang diharamkan Allah, maka ia diharamkan. Adapun apa yang didiamkan oleh-Nya, maka diampuni. Oleh itu terimalah keampunan dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak akan lupa sikit. Kemudian Nabi membaca ayat: Dan Tuhanmu tidak pernah lupa* (Surah Maryam 19: 64) (HR Al-Hakim).

Islam juga menggariskan garis dalam mengenal pasti halal atau haram sesuatu haiwan, iaitu berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Baqarah 2: 168, yang maksudnya: *Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi.*

Dalam surah Al-An'am 6: 145, Allah berfirman yang maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau*

*darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan mu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

Dari ayat di atas, Allah mengharamkan bangkai, darah yang mengalir, dan babi, kerana *illat* (sebab) pengharaman adalah najis. *Illat* ini juga digunakan untuk melarang penggunaan haiwan ini kerana kebiasaannya sesuatu yang kotor biasanya mempunyai banyak virus dan kuman. Jadi, dilarang kerana dikhuatiri mengancam nyawa.

Walaupun begitu, uruf adalah kebiasaan dari satu tempat ke satu tempat adalah berbeza. Di uruf Malaysia, haiwan ini menjijikkan tetapi sudah menjadi kebiasaan masyarakat Cina. Maka, disimpulkan bahawa yang dinyatakan dalam nas, ianya adalah haram. Namun, apa yang didiamkan oleh syariat, maka tidaklah dikatakan haram. Namun Islam amat menitikberatkan kebersihan. Jadi, perkara yang tidak selari dengan tuntutan agama perlu dijauhi.

### **Hukum memakan haiwan eksotik**

Konsep uruf mengkategorikan haiwan eksotik sebagai *khabaith*, haiwan yang kotor dan menjijikkan, oleh kerana itu ianya tidak halal untuk dimakan. Pengharaman haiwan eksotik berdasarkan konsep uruf yang menganggapnya sebagai *khabaith*. Ini juga berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-A'raf 7: 157, yang maksudnya: *Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.*

Sedangkan binatang yang tidak disebutkan dalam Al-Quran dan hadith Nabi SAW, kebanyakan fuqaha (Hanafiah, Syafieyyah, dan Hanabilah) mengembalikannya kepada masyarakat Arab. Sehubungan itu, haiwan yang dianggap *tayyib* oleh masyarakat Arab adalah halal. Sedangkan haiwan yang dianggap *khabaith* oleh masyarakat Arab adalah haram. Jadi, haiwan seperti ini adalah haram di sisi hukum berdasarkan adat resam masyarakat majmuk tempatan.

## **KESIMPULAN**

Penggunaan haiwan eksotik pada asalnya tidak dibenarkan mengikut syarak kerana ia diragui kesahihan statusnya. Walau bagaimanapun, penggunaan haiwan eksotik ini mengikut Syariah adalah dibenarkan jika ada keperluan dan kecemasan. Ini adalah demi menjaga kemaslahatan manusia mengikut prinsip dan maqasid yang telah ditetapkan.

Dari segi perubatan, Islam adalah agama yang menitikberatkan aspek kesihatan. Dalam masa yang sama, soal halal dan haram adalah perkara utama yang perlu difahami oleh seorang Muslim sebelum mendapatkan rawatan atau menggunakan sebarang ubat. Sekiranya terdapat keperluan untuk makan atau menggunakan haiwan eksotik, ia dibenarkan untuk tujuan merawat penyakit jika tiada penawarnya dari sumber yang halal.

## **RUJUKAN**

Al-Quran.

Al-Qardhawi, Yusuf. (1995). Halal dan Haram dalam Islam. Terj. Ustaz Zainys al-Ahkam. Singapura: Pustaka Islamiyah PTE LTD.

Al-Zuhaili, Wahbah. (2014). Usul al-Fiqh al-Islami. Beirut: Dar al-Fikr.

Gunardi, S. (2021). Adillat al-Ahkam fi Usul al-Fiqh. Negeri Sembilan: USIM Press.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Conference: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2022. Johor: Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

Kamus Dewan. (2005). Ed. Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Martin P.C Lawton. (2000). The Physical Examination. Avian Medicice. p. 26-42.  
<http://dx.doi.org/10.1016/B978-0-7506-3598-1.50007-2>

Zaidan, A. K. (2014). Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zubaidah, S., Norsuhana, Fatan H. Y. (2012). Animals-based Traditional Medicine amongst Indigenous People in Asia. Kedah: Universiti Utara Malaysia.

Qamus al-Lughah al-Malayuwiyyah-al-Lughah al-Arabiyyah, al-Lughah al-Arabiyyah al-Lughah al-Malayuwiyyah (2015). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.